

KONSEP AKHLAK IMAM AL - GHAZALI



PENGERTIAN

Konsep Akhlak menurut Imam Al- Ghazali

Di dalam buku Ihya' Ulumuddin, al- Ghazali mengatakan bahwa akhlak berasal daripada perkataan al-khalqu (kejadian) dan al-khuluqu (akhlak atau tingkah laku) yang dimaksudkan al-khalqu adalah bentuk zahir dan al-khuluqu adalah bentuk batin. Hal ini kerana kejadian manusia yang tersusun dari jasad yang dapat dilihat dengan mata kasar serta unsur ruh dan jiwa yang hanya dapat dilihat dengan mata hati.

Hal ini bertepatan dengan Firman Allah dalam surah al-Shad ayat 71-72 yang bermaksud:

"Sesungguhnya Aku menciptakan manusia dari tanah dan ketika dia telah Kubentuk dengan sempurna dan telah Kutitipkan ke dalamnya ruhKu, hendaklah kamu tunduk merendahkan diri kepada-Nya"

TUJUAN AKHLAK

Tujuan akhlak adalah untuk mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat bagi setiap muslim sesuai dengan ajaran Al Qur'an dan Hadith. Imam al- Ghazali menyatakan bahwa ketinggian akhlak merupakan kebaikan tertinggi. Kebaikan-kebaikan kehidupan semuanya bersumber pada empat perkara:

1. Kebaikan jiwa, iaitu ilmu, bijaksana, berani dan adil.
2. Kebaikan dan keutamaan badan, iaitu sihat dan kuat
3. Kebaikan luaran (al kharijiyah), iaitu harta, keluarga, pangkat, dan nama baik (kehormatan).
4. Kebaikan tuhan, iaitu bimbingan (rusyd), petunjuk (hidayah), pertolongan (taufiq) dan kepercayaan (tasdiq).

PEMBANGUNAN AKHLAK

Imam al- Ghazali meletakkan lima faktor yang boleh mempengaruhi pembangunan akhlak seseorang iaitu: (1) Tazkiyah al-Nafs atau pembersihan jiwa; (2) Mujahadah atau melawan hawa nafsu; (3) Melazimi amalan kebaikan; (4) Membuat sesuatu yang bertentangan dengan akhlak yang buruk; dan (5) Muraqabatullah atau pengawasan diri terhadap Allah SWT (al-Ghazali, 2003).

PEMBAGIAN AKHLAK

Imam al- Ghazali membagikan akhlak kepada dua jenis: akhlak yang baik (mahmudah) dan akhlak yang buruk (mazmumah). Dalam Ihya' Ulum al-Din, Imam al-Ghazali membincangkan tentang akhlak yang menghancurkan (muhlikat) dan akhlak yang menyelamatkan (munjiyat).

